

UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

EDISI SEMAKAN

PENGGAL 81

PERANGKAAN

PENYUSUNAN BAB-BAB

Bab

BAHAGIAN I

PERMULAAN

1. Gelaran pendek
2. Menteri
3. Menteri boleh memberi arahan-arahan
4. Lantikan Pegawai yang Layak
5. Maklumat yang dikumpulkan tidak boleh diberitahu kepada orang-orang yang tidak berhak
6. Perlindungan-perlindungan tentang perhubungan mak-lumat
7. Notis untuk menghendaki butir-butir
8. Butir-butir yang tidak berkaitan dengan perusahaan
9. Hukuman-hukuman
10. Aturan-aturan

AKTA PERANGKAAN

6 tahun 1975

Suatu Akta untuk memperuntukkan bagi pengumpulan dan tafsiran perangkaan dan kuasa-kuasa lain yang perlu baginya.

S. 47/77

Permulaan kuatkuasa : 1hb Ogos 1977

Gelaran pendek

1. Akta ini boleh digelar sebagai Akta Perangkaan.

Menteri

2. Dalam Akta ini “Menteri” bermakna Menteri yang bertanggungjawab bagi kewangan dan termasuk Timbalan Menteri Kewangan.

Menteri boleh memberi arahan-arahan

3. Menteri boleh dengan kenyataan dalam *Warta Kerajaan* mengarahkan supaya perangkaan bagi maksud menyediakan maklumat yang dikehendaki bagi membentuk dan melaksanakan dasar Kerajaan dalam apa jua lapangan atau dengan secara lain dikehendaki bagi maksud-maksud Kerajaan atau bagi memenuhi keperluan-keperluan perdagangan, perniagaan dan perusahaan atau pertanian (termasuk kehutanan dan perikanan) hendaklah dikumpulkan dan dengan itu peruntukan dari Akta ini hendaklah dikenakan kepada perangkaan itu.

Lantikan Pegawai yang Layak

4. (1) Menteri boleh melantik seorang pegawai menjadi Pegawai Yang Layak bagi maksud mengumpulkan apa jua perangkaan yang diarahkan olehnya supaya dikumpulkan dan hendaklah selepas ini digelar sebagai “Pegawai Yang Layak”.

(2) Pegawai Yang Layak hendaklah dibantu oleh pegawai-pegawai lain sebagaimana Menteri dari masa ke semasa mungkin menggangapnya perlu.

Maklumat yang dikumpulkan tidak boleh beritahu kepada orang-orang yang tidak berhak

5. (1) Pegawai Yang Layak ataupun mana-mana pegawai atau orang yang berkaitan dengannya dan yang bertugas berkenaan dengan atau berkaitan dengan pengumpulan, peneafsiran atau penyiaran perangkaan di bawah Akta ini tidak

boleh kecuali sebagaimana yang dikehendaki oleh kewajipannya memberitahu apa jua maklumat yang sampai ke tangan-nya semasa menjalankan kewajipannya yang sedemikian itu.

(2) Mana-mana pegawai yang melanggar peruntukan ceraian (1) adalah bersalah : Hukuman, penjara selama 2 tahun dan denda sebanyak \$20,000.

(3) Pegawai Yang Layak hendaklah menarik perhatian tiap-tiap pegawai yang bertugas berkenaan dengan atau berkaitan dengan pengumpulan, penafsiran atau penyiaran perangkaan terhadap peruntukan-peruntukan dari ceraian (1) dan (2) sebelum pegawai itu mula menjalankan kewajipan-kewajipannya di bawah Akta ini.

(4) Jika mana-mana orang, yang mempunyai apa jua maklumat yang mana pada pengetahuannya telah diberitahu yang mana adalah melanggar peruntukan dari bab ini, menyiarkan atau mengutus kepada mana-mana orang lain apa jua maklumat tersebut, maka dia adalah bersalah : Hukuman, penjara selama satu tahun dan denda sebanyak \$15,000.

6. (1) Kecuali dengan kebenaran terlebih dahulu secara bertulis daripada orang yang, atau daripada mana-mana orang (sama ada sebagai wakil atau majikan) yang menjalankan perusahaan berhubung dengan mana perangkaan telah dikumpulkan, tiada sebarang perangkaan yang dikumpulkan oleh Pegawai Yang Layak boleh digunakan bagi maksud menentukan sebarang tanggungan mana-mana orang atau perusahaan tersebut terhadap apa jua jenis cukai-menyukai atau dengan cara lain diberitahu kepada mana-mana Jabatan Kerajaan atau pihak berkuasa atau pun orang lain, iaitu sesebuah jabatan, pihak berkuasa atau orang yang mungkin menggunakan bagi maksud tersebut.

Perlindungan-
perlindungan
tentang
perhubungan
maklumat

(2) Dalam menyampaikan perangkaan yang dikumpulkan olehnya atau penafsirannya maka Pegawai Yang Layak hendaklah mengambil langkah-langkah untuk memastikan yang pengenalan mana-mana orang atau perusahaan yang berkaitan dengannya tidak diberitahu.

Notis untuk
menghendaki
butir-butir.

7. (1) Bagi maksud bab 3 Pegawai Yang Layak boleh dengan notis secara bertulis menghendaki mana-mana orang yang menjalankan perusahaan di Negara Brunei Darussalam (sama ada sebagai wakil atau majikan) untuk menyediakan butir-butir berhubung dengan perusahaannya tentang perkara-perkara dan dengan cara sebagaimana yang boleh ditetapkan oleh Pegawai Yang Layak, iaitu butir-butir yang di dalam pengetahuan orang itu atau yang boleh diperolehinya dengan munasabah.
- (2) Notis di bawah ceraian (1) boleh disampaikan dengan menyerahkannya kepada orang yang berkaitan dengannya di tempat di mana perusahaan yang berkenaan itu dijalankan atau di rumahnya.
- (3) Sesuatu notis itu boleh menghendaki maklumat supaya disediakan pada masa-masa atau selang masa yang tertentu.
- (4) Sesuatu notis itu boleh menghendaki seseorang yang tidak tahu mengenai butir-butir yang dikehendaki itu atau tidak dapat memperolehi butir-butir tersebut untuk menyediakan kepada Pegawai Yang Layak anggaran-anggaran yang sebaiknya mengenai butir-butir itu.
- (5) Pegawai Yang Layak tidak boleh menghendaki mana-mana orang supaya memberi maklumat yang akan membongkar sebarang proses rahsia atau rahsia perdagangan lain.
- (6) Di dalam bab ini “perusahaan” bermakna apa jua perusahaan yang dijalankan dengan jalan perdagangan atau perniagaan, apa jua pekerjaan yang dijalankan oleh seseorang, atau apa jua kegiatan (sama ada dijalankan kerana keuntungan atau bukan) oleh sesebuah pertubuhan yang dipерbadankan atau tidak dipерbadankan.

8. (1) Pegawai Yang Layak boleh, berhubung dengan apa jua perkara yang tidak berkaitan yang ditafsirkan dalam ceraian (6) dari bab 7 menghendaki mana-mana orang untuk menyediakan butir-butir dalam bentuk sebagaimana yang dibenarkan oleh Menteri.

Butir-butir
yang tidak
berkaitan
dengan
perusahaan

(2) Syarat bab 7 berhubung dengan notis dan penyampaiannya hendaklah dipakai sebagai suatu kehendak di bawah bab ini sebagaimana yang syarat tersebut menjadi suatu kehendak di bawah bab 7.

9. Barang siapa yang —

Hukuman-
hukuman

(a) gagal mematuhi kehendak-kehendak sesuatu notis di bawah bab 7 atau 8 ; atau

(b) dengan setahunya atau melulu menyediakan atau menyebabkan supaya disediakan mana-mana butir palsu mengenai apa jua perkara yang dinyatakan dalam notis itu ;

adalah bersalah : Hukuman, denda sebanyak \$4,000, dan sekiranya kesalahan itu diteruskan didenda selanjutnya sebanyak \$500.00 bagi tiap-tiap hari selepas sabit kesalahannya sepanjang masa yang kesalahan itu diteruskan.

10. Menteri boleh dari masa ke semasa membuat aturan-aturan —

Aturan-
aturan

(a) bagi mengecualikan mana-mana orang atau jenis orang daripada tanggungjawab untuk menyediakan maklumat di bawah Akta ini, sama ada pada keseluruhannya atau setakat yang mungkin ditetapkan dan sama ada dengan tidak bersyarat atau tertakluk kepada syarat-syarat yang mungkin ditetapkan ; dan

(b) bagi menetapkan bayaran-bayaran yang mungkin dikenakan kerana memberi perangkaan yang dikumpul oleh Pegawai Yang Layak atau penafsiran oleh Pegawai Yang Layak mengenai perangkaan yang telah dikumpulkannya dan bagi mengecualikan mana-mana orang daripada pembayaran-pembayaran sedemikian.

UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

6

PENG. 81

Perangkaan

[Tambahan]

UNDANG-UNDANG TAMBAHAN

Arahan di bawah bab 3

Menteri telah mengarahkan supaya perangkaan yang berikut dikumpulkan bagi maksud penyusunan Akaun-Akaun Kebangsaan dan perancangan ekonomi —

1. Akaun-akaun dan perangkaan lain berkenaan dengan Perbadanan-Perbadanan dan perusahaan-perusahaan Kerajaan, Syarikat-Syarikat Berhad Awam atau Swasta, perkongsian-perkongsian, ketuan-punyaan-ketuanpunyaan, pertubuhan-pertubuhan dan persatuan-persatuan termasuk persatuan-persatuan kerjasama ;
2. Pendapatan dan perbelanjaan keluarga.

Lantikan Pegawai Yang Layak di bawah bab 4 (1)

S. 55/77

Menteri telah melantik Ketua Perangkaan di Kementerian Ke-wangan, sebagai Pegawai Yang Layak bagi maksud mengumpul perang-kaan sebagaimana yang diarahkan oleh Menteri dari masa ke semasa.